



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 16 Tahun 2014

**TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF
PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL
DAN KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2014**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:-

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan

3. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah:
- (ii) Telah menandatangani Surat Aku Janji: dan
- (iii) Telah mengisytiharkan harta.

4. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:

- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- ii. Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Urusetia Jawatankuasa kenaikan pangkat sebelum tarikh tutup permohonan:-

Bil	Dokumen/Perkara	Jumlah Salinan Yang Diperlukan
1.	Folio Peribadi yang lengkap (Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat).	1 salinan
2.	Salinan sijil akademik terkini (jika ada) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 salinan

Nota : Salinan sijil-sijil penghargaan/latihan/lantikan Jawatankuasa/lain-lain berkaitan TIDAK perlu disertakan. Salinan sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temuduga.

- iii. Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- iv. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.


- v. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih sahaja akan dipanggil untuk sesi temubual dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaiaan pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- vi. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak Pengurusan Universiti. Pihak Pengurusan Universiti juga berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- vii. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 2 Januari 2015.**
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini *tidak* akan diproses)

TARIKH DIKELUARKAN

- 6. Pekeliling dikeluarkan pada 16 Disember 2014.

TARIKH KUATKUASA

- 7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 18 Disember 2014.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-BPD(BGSU/PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(BGSU/16/2014)

Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan dan Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pegawai Tadbir	N54	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Seluruh Sistem	2
2.	Pustakawan	S48	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Seluruh Sistem	2

Kumpulan Pelaksana I (B):

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan dan Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Setiausaha Pejabat	N32	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Seluruh Sistem	3

Kumpulan Pelaksana I (C):

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan dan Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Shah Alam & Negeri Sembilan	3
2.	Juruteknik Komputer	FT22	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Shah Alam & Negeri Sembilan	4
3.	Pelukis Pelan Seni Bina	JA22	Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	UiTM Shah Alam & Negeri Sembilan	4

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

1. i). *Jawatan* : ***Pegawai Tadbir***
ii). *Gred Jawatan* : ***N54***
iii). *Kekosongan* : ***1***
iv). *Syarat Kelayakan* :

Pegawai Tadbir Gred N52 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N54 yang kosong apabila telah :-

- a). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
b). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : ***Gred Gaji N54***

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5832.00	RM11858.00	RM320.00

2. i). *Jawatan* : ***Pustakawan***
ii). *Gred Jawatan* : ***S48***
iii). *Kekosongan* : ***1***
iv). *Syarat Kelayakan* :

Pustakawan Gred S44 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S48 yang kosong apabila telah :-

- a). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
b). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : ***Gred Gaji S48***

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM4914.00	RM10552.00	RM270.00

Kumpulan Pelaksana I (B)

1. i). *Jawatan* : *Setiausaha Pejabat*
ii). *Gred Jawatan* : **N32**
iii). *Kekosongan* : **1**
iv). *Syarat Kelayakan* :

Setiausaha Pejabat Gred N27/28 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Setiausaha Pejabat Gred N32 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
c). Lulus Ujian Kemahiran Tahap Lanjutan pemprosesan perkataan, lembaran kerja dan persembahan
d). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji N32*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2727.00	RM5636.00	RM155.00

Kumpulan Pelaksana I (C)

1. i). *Jawatan* : *Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)*
ii). *Gred Jawatan* : **N26**
iii). *Kekosongan* : **1**
iv). *Syarat Kelayakan* :

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah :-

- a). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
b). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji N26*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2483.00	RM4751.00	RM125.00

2. i). *Jawatan* : *Juruteknik Komputer*
 ii). *Gred Jawatan* : **FT22**
 iii). *Kekosongan* : **1**
 iv). *Syarat Kelayakan* :

Juruteknik Komputer Gred FT17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT22 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
 b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji FT22*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2184.00	RM4265.00	RM115.00

3. i) *Jawatan* : *Pelukis Pelan Seni Bina*
 ii). *Gred Jawatan* : **JA22**
 iii). *Kekosongan* : **1**
 iv). *Syarat Kelayakan* :

Pelukis Pelan Seni Bina Gred JA17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan Seni Bina Gred JA22 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;
 b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji JA22*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2184.00	RM4265.00	RM115.00